

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



KOSMO, Malaysia

20 Aug 2015, by

Business & Finance, page 52 - 124.00 cm²

Malaysia - Bahasa Newspapers - circulation 208,331
(MTWTF)

ID 453138034

BRIEF FELDA

INDEX 1

PAGE 1 of 1

MSM catat untung RM195.8 juta

KUALA LUMPUR - MSM Malaysia Holdings Bhd. (MSM) mencatatkan peningkatan keuntungan sebelum cukai (PBT) sebanyak 11.9 peratus kepada RM195.8 juta pada setengah tahun pertama tahun kewangan 2015 berbanding RM175 juta tempoh yang sama tahun sebelumnya.

Perolehan bagi setengah tahun pertama 2015 ialah RM1.097 bilion berbanding RM1.094 bilion tahun sebelumnya.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Datuk Sheikh Awab Sheikh Abod berkata, suku kedua tahun kewangan 2015 mencatatkan PBT sebanyak RM105.5 juta, meningkat 2.5 peratus, berbanding RM102.9 juta pada tempoh sama tahun lepas.

"Manakala keuntungan selepas cukai (PAT) telah mencatatkan peningkatan sederhana daripada RM78.7 juta kepada RM79.1 juta," ka-

tanya pada sidang akhbar berhubung prestasi kewangan separuh pertama MSM di sini semalam.

Sheikh Awab menjelaskan, walaupun terdapat sedikit penurunan perolehan iaitu 1.2 peratus kepada RM588.3 juta berbanding RM595.4 juta pada suku kedua tahun lalu, namun margin keuntungan kasar naik empat peratus kepada RM149.9 juta berbanding RM144.2 juta.

"Sebahagian besar disebabkan penurunan kos jualan.

"Prestasi kukuh syarikat itu telah menyumbang kepada inisiatif penjimatkan kos dan pengoptimuman kos seluruh syarikat," katanya.

Tambah beliau, MSM terus menguasai pasaran gula tempatan sungguhpun ia sedang berhadapan dengan persekitaran pasaran yang mencabar termasuk pengukuhan nilai dolar Amerika Syarikat (AS).